

JOM BELAJAR

Urus Tenaga Aktif Anak Dengan Positif

Kebelakangan ini kita banyak mendengar dan membaca berita mengenai anak-anak kecil di bawah 5 tahun disakiti kerana mak atau ayah hilang sabar. Ada yang sampai mendera anak-anak kecil itu. Walaupun ada yang tak sampai hati, namun hampir-hampir melakukannya kerana anak-anak terlampau aktif dan tidak tahu duduk diam.

Perasaan tidak sabar di dalam diri, bertambah bersemarak bila ada orang luar yang menuduh, kita tidak pandai mendidik anak-anak. Tohmahan yang dilemparkan hanya kerana anak-anak tidak tahu duduk diam.

Kita pun ada tahap sabarnya juga kan? Tu yang senang je nak panggil anak begitu. Tapi sayang, jangan sekali-kali panggil dia jahat dan tuduh dia bukan-bukan. Ini anak yang aktif BUKAN hiperaktif. Hiperaktif itu satu kondisi medical.

Perunding Psikiatrik Kanak-kanak Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Dr. Subash Kumar Pillai pula menerangkan bahawa kanak-kanak ini sebenarnya tidak sakit. Tetapi, mereka hanya mengalami ketidakseimbangan sistem neuro di dalam otak menjadikan mereka sukar mengawal diri.

"Kebanyakan anak-anak kecil memang aktif kerana mereka adalah kanak-kanak dan kanak-kanak mempunyai tenaga yang banyak. Mereka mahu explore dan discover! Selalunya anak-anak yang ligat ni,



mereka aktif dan perlu banyak bergerak. Dan mereka ini adalah Kinestetik Learner.

Maksudnya, untuk mereka memahami sesuatu, mereka perlu menggerakkan badan mereka. Pernah tak anda bercakap dengan anak anda, lagi banyak anda bagi informasi lagi banyak badan dia bergerak? Lagi banyak anda bercakap, dia nampak susahinya nak duduk diam. Tak fokus, tak hormat kita nak cakap! Itulah yang ramai ibu bapa dan cikgu yang belum tahu akan hal ini cakap, "jelas Ibu Rose berkenaan isu ini.

KINESTHETIK LEARNER

"Tahu tak kenapa dia kena menggerakkan badannya? Kerana untuk info itu masuk ke otaknya, salurannya adalah badan anak itu yang perlu bergerak. Kalau tak, dia tak dapat nak masukkan info tu ke dalam otak dia. Inilah yang dinamakan Kinestetik Learner.

"Para guru terutama guru tadika; ingat ya sayang, kalau ada anak murid begini, jangan sibuk nak suruh dia duduk diam. Bagi dia bergerak salah satu anggota badan dia semasa anda mengajar ke bercerita ke...baru mudah dia faham," ujar Ibu Rose lagi.

Oleh yang demikian, jangan label anak tu jahat, nakal, hiperaktif, tidak pandai kawal diri kerana ini semua akan merosakkan imej anak itu pada dirinya.

Terdapat dua jenis learner yang kita perlu tahu iaitu Visual dan Auditori. Ini pun ada caranya untuk kita tackle anak jika dia jenis begini. Ini semua ilmu yang setiap ibu bapa perlu tahu dan mahirkan sebab setiap anak itu berbeza.

VISUAL LEARNER

Matanya akan suka melihat ke atas, macam tengok sesuatu, sebab dia sedang recall. Dia senang tertarik kepada gambar, dan warna. Dia senang faham kalau dia boleh lihat. Kita tunjuk gambar atau kita tunjuk mcmana nak buat. Tapi kalau anda hanya ada 1 minit maka tanya soalan dan tengok anak mata dia, gi mana. Kalau matanya ke atas dan seolah-olah melihat sesuatu, kemungkinan besar dia adalah visual learner.



Dr. Rozietta Shaary (Ibu Rose)
Educational Consultant

Terdapat dua jenis learner yang kita perlu tahu iaitu Visual dan Auditori.

AUDITORY

Mata dia ke kiri ke kanan, macam setentang dengan telinga. Semasa kita bercakap dengan dia, matanya tidak fokus kepada kita, tetapi telinganya mengarah sedikit kepada kita. Supaya dia dapat mendengar apa yang kita katakan. Jadi, jika anak tak pandang muka anda, tapi halakan telinga ibu bapa jangan menelenting kerana dia tidak perlu lihat untuk taham apa yang dicakapkan. Sekiranya anak anda mengalhakan telinganya semasa anda bercakap; maka fahamilah dia ini seorang yang auditori learner.

Anak mata anak-anak kinestetik learner ni, selalu ke bawah seperti melihat ke arah hati dia. Sebab dia merasa melalui badan dan hati. Oleh itu setelah tahu akan perkara ini, senanglah anda untuk menyampaikan mesej melalui channel yang paling efektif untuknya. Contoh, jika dia visual, maka guna lah banyak gambar atau suruh dia bayangkan keadaan itu.

Jika dia auditori, maka bercakap dengan dia menggunakan intonasi pelbagai dan kesan bunyi untuk menekankan lagi mesej itu. Contoh, slurpp... (bunyi) sedap sungguh sup itu. Jika dia kinestetik, maka berikan informasi atau nasihat semasa diberjalan di sebelah anda, atau semasa melakukan sesuatu aktiviti bergerak. ☺